



Viralkan berita yang betul itu bagus tetapi janganlah sebar perkara tidak tepat sehingga menyusahkan orang ramai." - Mohd Faiz Zainudin, 25, wartawan



betul. Lepas itu semua ikut." - Zunaidah Zainon, 37, wartawan

Viralkan, baik disebar dalam bentuk mesej atau berita, pada saya bagus. Sebabnya berita-berita viral ini akan menyebabkan pihak berkenaan buat kerja. Yang tak bagusnyanya orang itu viralkan benda tak

Kalau nak tularkan sesuatu berita pun biarlah berfakta, jangan nak jadi keyboard warrior sangat buat orang lain keliru saja." - Wafi Halim, 22, mahasiswa



Penangan tular

reaksi



Pada zaman serba moden ini, orang ramai lebih gemar mendapatkan maklumat di media sosial. Namun tidak semua berita yang ditular itu benar, jadi semak sebelum percaya dan menyebarkannya." - Mohd Afiq Amran, 28, penjawat awam



Berita viral ini ada baik dan buruknya, setiap berita yang diviralkan sebaiknya diselidiki terlebih dahulu kesahihannya bagi mengelakkan sebarang masalah seperti penyebaran berita palsu ataupun fitnah. Nak berkongsi berita tu tak salah tapi pastikan ia sah dan betul. Jangan jadi wartawan mee segeira."

-Azlan Abdul Rahman, 31, Koordinator Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa UITM Cawangan Kedah



Sekiranya dilihat dari sudut positif ada baiknya sesuatu perkara itu ditularkan. Contohnya apabila kita tularkan mengenai keluarga miskin pasti akan memberi impak besar kepada keluarga itu kerana bebanan mereka akan mendapat perhatian daripada zakat, Jakim dan juga orang awam yang simpati. Dengan bantuan itu mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Bagaimanapun, setiap perkara yang tular perlu dipastikan kebenarannya agar tiada yang mengambil kesempatan."

- Nurqalbi Reda, 34, penjawat awam

Sebagai seorang suri rumah, telefon bimbit merupakan teman utama saya dan berita-berita viral sememangnya mempengaruhi pengetahuan semasa saya. Jadi semua pihak seharusnya memastikan penyampaian berita viral ini benar dan bukannya maklumat palsu." - Farah Musa, 31, suri rumah



Benda-benda viral ni bagus kalau berita yang tersebar tu tepat. Tapi selalunya yang viral ni tak tepatlah." - Mohd Fazly Rosely, 32, peniaga

Bergantung juga maklumat apa yang nak ditularkan itu, jika perkara yang baik untuk semua okeylah, tapi jika sekadar nak buka aib atau tunjuk buruk orang, tak payahlah. Sebab kebanyakan rakyat Malaysia suka hentam tanpa usul periksa, bila baca komen buat sakit hati saja, komen macamlah mereka alim dan baik." - Nur Hidayah Ayu Puteri Hamzah, 29, eksekutif kewangan





“Viral sudah menjadi trend di kalangan rakyat Malaysia selari dengan perkembangan media sosial. Penangan viral kalau dari sudut positif orang ramai cepat mengetahui sesuatu isu atau kejadian. Manakala keburukan viral ialah kita tidak dapat pastikan sejauh mana kesahihan perkara yang tersebar. Jadi kita tidak boleh telan bulat-bulat sebarang maklumat yang diperoleh melalui isu viral.”

- Faizal Ghazali, 29, penulis



“Kalau ditularkan untuk kebaikan bersama ia harus contohnya mohon bantuan orang ramai. Jika sebar maklumat dengan tujuan untuk mengukar-kacirkan keadaan dengan berita palsu, itu tak perlu.”

- Zaleha Yusof, 30, guru

“Meskipun kebebasan bersuara itu dijamin oleh perlembagaan, ia tidak bermakna seseorang individu boleh memuat naik apa saja status untuk diviralkan di media sosial. Tindakan perundangan boleh diambil jika subjek yang dikongsikan berunsur fitnah, penipuan atau hasutan yang menggugat keharmonian kaum, dan menghina Institusi diraja dan badan kehakiman.”

- Hizri Hasshan, 33, Peguam



“Tular ini ada baik dan buruknya, kalau nak hebahkan perkara baik tak mengapa, tapi kalau melibatkan aib orang, kisah rumah tangga, peribadi tak payahlah, simpan sendiri saja tak ada faedah.”

- Asnal Asmawi Nur Ashikin, 31, jurutera



“Sebagai seorang peniaga, kuasa tular ini sedikit sebanyak membantu mempromosikan produk saya. Jika orang ramai suka dan tularkan ia satu bonus buat saya.”

- Muhammad Afzan Ismail, 29, peniaga



“Berita viral ini kalau disebar kan perkara yang baik, maka baiklah... tetapi kalau menyebarkan perkara yang tidak benar, ia membawa padah. Semuanya terpulang kepada niat kita.”

- Ainun Abd Rahim, 40, Pegawai Khidmat Pelanggan UiTM Cawangan Kedah



“Kalau berita tidak sah ditularkan, pastinya ia mendatangkan keburukan kerana boleh dianggap memfitnah. Jadi, sebarang berita atau maklumat itu perlu diselidik terlebih dahulu sebelum di viralkan.”

- Che Ruhaizad Azraain Che Ruslan, 26, pekerja swasta

“Saya tidak percaya sangat dengan mesej atau berita viral. Biasanya berita viral ni banyak yang tak betul dari betul. Selalunya bila dapat saya akan teliti dulu. kadang-kadang saya abaikan saja.”

- Nurain Mat, 21, penuntut universiti



“Bagi saya

sebagai peniaga *online*, kuasa viral tersangat bagus kerana kuasa viral membuatkan kita dikenali ramai dan juga membuatkan jualan kita berkembang. Disebabkan kuasa viral juga, *personal branding* juga akan lebih kukuh.”

- Siti Fathehah Abdullah, 25, peniaga online

